



# **PENGHAYATAN ETIKA & PERADABAN**

**BAHAGIAN 1**

AINUL FARHAAN HARUN  
MOHD. HANAFI JUSOH  
SUHAILA MUSTAFFA

JABATAN PENGAJIAN AM



# **PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN**

**BAHAGIAN I**

**PENGENALAN PENGHAYATAN ETIKA  
DAN PERADABAN DALAM ACUAN  
MALAYSIA  
&  
KONSEP ETIKA DAN PERADABAN**

Ainul Farhaan binti Harun  
Mohd Hanafi bin Jusoh  
Suhaila binti Mustaffa

**Penasihat**

Razak bin Nordin  
Mohd Azli bin Adnan

**Penulis**

Ainul Farhaan binti Harun  
Mohd Hanafi bin Jusoh  
Suhaila binti Mustaffa

**Editor dan Semakan Bahasa**

Mohd Azli bin Adnan

**Konsep dan Rekabentuk**

Ainul Farhaan binti Harun

Terbitan 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada secara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis dari pihak Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)  
Pauh Putra, 02600 Arau, Perlis  
No. Tel : 04-988 6200  
No. Fax : 04-988 6300  
[www.ptss.edu.my](http://www.ptss.edu.my)

# ISI KANDUNGAN

Abstrak	1
---------	---

Penghargaan	2
-------------	---

## **Bab Satu: Penghayatan Etika dan Peradaban Dalam Acuan Malaysia**

Pengenalan Bab Satu	3
---------------------	---

Sinopsis Bab Satu	4-5
-------------------	-----

Definisi Istilah : Adab, adat resam, adat istiadat, etika, etos dan etiket	6-13
----------------------------------------------------------------------------	------

Infografik definisi dan istilah	14
---------------------------------	----

Susur masa etika : Zaman pra kolonial, kolonial dan pasca kolonial	15-18
--------------------------------------------------------------------	-------

Kerangka Menganalisis Etika & Peradaban Acuan Malaysia Melalui Sejarah, Struktur Sosial & Biografi	19
----------------------------------------------------------------------------------------------------	----

Struktur Sosial	20-21
-----------------	-------

Peranan biografi dalam etika	22
------------------------------	----

Penghayatan etika dan peradaban mengikut peringkat individu, keluarga, komuniti dan masyarakat	23
------------------------------------------------------------------------------------------------	----

Penghayatan etika dalam konteks masyarakat, negara dan pasaran	24
----------------------------------------------------------------	----

Kesimpulan bab	25
----------------	----

Latihan dan aktiviti 1	26-28
------------------------	-------

## **Bab Dua : Konsep Etika dan Peradaban**

Pengenalan Bab Dua	29
--------------------	----

Sinopsis Bab Dua	30
------------------	----

Pergerakan idea dan amalan etika	31
----------------------------------	----

Zaman sejarah awal: Paleolitik, Mesolitik, Neolitik, Logam, Proto-Sejarah	32-34
---------------------------------------------------------------------------	-------

Zaman Kerajaan Melayu Awal : Funan, Champa, Srivijaya, Angkor, Majapahit, Kedah Tua, Gangga Negara	35-43
----------------------------------------------------------------------------------------------------	-------

Bukti ketamadunan kerajaan awal Melayu	44-45
Tamadun China, India dan Islam	46-49
Pengaruh kuasa Barat: Portugis, Belanda dan British	50-52
Zaman sejarah moden	53
Pembinaan negara bangsa	54-55
Konsep etika dan peradaban dari pelbagai sudut: - Perspektif agama dan kepercayaan - Perspektif kolonialisme dan pasca kolonialisme - Perspektif timur dan barat	56-71
Kesimpulan topik	72
Latihan dan aktiviti	73-77
Rujukan	78
Skema jawapan latihan dan aktiviti	79-80

# ABSTRAK

EBook yang bertajuk Penghayatan Etika dan Peradaban (Bahagian I) ini merangkumi dua topik iaitu Pengenalan Penghayatan Etika dan Peradaban Dalam Acuan Malaysia serta topik Konsep Etika dan Peradaban.

Topik Pengenalan Penghayatan Etika dan Peradaban Dalam Acuan Malaysia mengupas tentang adab, adat istiadat, adat resam, etika dan etos dalam kehidupan seharian. Selain itu, ia juga berkisarkan tentang kerangka pemikiran dalam menghayati etika dan peradaban. Manakala topik kedua iaitu Konsep Etika dan Peradaban pula berkisarkan tentang sejarah peradaban dan ketamadunan manusia yang merangkumi zaman tamadun awal manusia, zaman kerajaan Melayu dan zaman moden serta pengaruh tamadun dalam membentuk etika dan peradaban kini.

Menyedari hakikat topik-topik yang dipilih sangat berkait rapat dengan sejarah dan kaya dengan fakta-fakta, kami mengambil inisiatif untuk menghasilkan sebuah eBook yang padat dengan gabungan elemen warna, ilustrasi, fakta ringkas dan infografik.

Selari dengan kepesatan dunia pendidikan kini yang sangat sinonim dengan ledakan teknologi maklumat, eBook yang dihasilkan juga disertakan dengan latihan dan aktiviti secara dalam talian dan berkonsepkan bermain sambil belajar. Konsep eBook sebegini diharapkan dapat memberi satu perspektif baharu kepada belajar bahawa kursus teori adalah sesuatu yang menarik dan mudah difahami.

EBook Penghayatan Etika dan Peradaban ini juga ada menyediakan beberapa infografik mengenai konsep dan fakta berkaitan topik untuk menjadikan ianya sebuah buku yang mampu membuka mata pelajar di samping penggunaan elemen warna yang pelbagai akan mampu menarik tumpuan para pelajar pada tahap optimum.

Diharapkan penghasilan eBook ini dapat memberi dimensi baharu bahawa kursus teori yang mengandungi fakta sejarah juga mampu diterjemahkan ke dalam bentuk yang sangat menarik dan diminati oleh generasi muda masa kini.

# PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah dengan NikmatNya sempurnalah segala kebaikan serta lafaz selawat dan salam ke atas Baginda Nabi SAW. Setinggi-tinggi syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi, dengan izin dan kurniaan ilham dariNya dapatlah kami menyempurnakan penulisan eBook pada kali ini.

Penghasilan eBook ini adalah atas dorongan dan motivasi dari pelbagai antaranya adalah Pengurusan Tertinggi PTSS, Jawatankuasa E- Learning PTSS dan Ketua Jabatan Pengajian Am iaitu En. Razak bin Nordin khususnya. Justeru, kami ingin mengucapkan jutaan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas sokongan dan peluang yang diberikan.

Kejayaan dalam menyempurnakan eBook ini adalah hasil usaha padu, semangat dan komitmen kerja secara berkumpulan. Sebagai satu pasukan yang terdiri dari Ainul Farhaan binti Harun, Suhaila binti Mustaffa dan Mohd Hanafi bin Jusoh mewakili Unit Pendidikan Islam dan Moral JPA PTSS, amat berbangga dan berharap hasil kerja ini dapat menjadi titik tolak dan perintis kepada penghasilan penulisan akademik berkonsepkan eBook yang lebih bermutu dan bersifat dinamik.



Jutaan terima kasih juga kami titipkan kepada Ustaz Mohd Azli bin Adnan selaku Penasihat yang juga bertindak sebagai editor dan Penyemak Bahasa eBook yang kami hasilkan kerana sudi meluangkan masa memberi komen dan pandangan membina dalam menambahbaik eBook ini.

Akhir kata, diharapkan eBook Penghayatan Etika dan Peradaban ( Bahagian I ) yang mengandungi gabungan elemen infografik, bahasa yang ringkas dan padat ini dapat menarik minat para pelajar di pelbagai institusi pendidikan untuk memahami kursus ini. Semoga pembaca beroleh manfaat dan dapat mengutip segenap mutiara ilmu yang digarapkan justeru membentuk minda dan jiwa patriotisme dengan nilai adab dan akhlak yang tinggi dan terpuji. Selamat membaca.



## BAB 1

# PENGENALAN PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN DALAM ACUAN MALAYSIA

→ Topik ini mengupas tentang definisi adab, etika, adat istiadat dan juga etos. Para pelajar akan diberi penekanan mengenai pelaksanaan adab dalam kehidupan seharian

→ Para pelajar juga akan didedahkan dengan adat istiadat yang merupakan amalan turun temurun dalam masyarakat kita.

→ Menjelaskan kerangka pemikiran penghayatan etika dan peradaban

→ Menganalisis etika dan peradaban dari segi individu, keluarga, masyarakat dan negara.





## SINOPSIS BAB 1

- Pengenalan etika dan peradaban.
- Susur masa etika dan peradaban berdasarkan pra-kolonial, kolonial dan pasca-kolonial.
- Kerangka menganalisis etika dan peradaban acuan Malaysia melalui sejarah, struktur sosial dan biografi.
- Penghayatan etika dan peradaban mengikut peringkat - individu, keluarga, komuniti dan masyarakat (lokal dan global).
- Penghayatan etika dan peradaban mengikut konteks masyarakat, negara dan pasaran.



**“Harmoni boleh dicapai bila setiap rakyat fahami dan laksanakan tanggungjawab masing-masing, serta menjauhkan diri daripada isu-isu sensitif”**

Tan Sri Lee Lam Thye



## Apa itu adab ?

- Menurut bahasa, seperti yang terdapat dalam Kamus Pelajar Edisi, adab bermaksud budi pekerti yang halus, tingkah laku yang baik, budi bahasa.
- Kurang adab: tidak tahu; kurang sopan.
- Beradab juga sinonim dengan telah maju tingkat kehidupannya. Peradaban sistem dan tahap perkembangan sosial sesuatu bangsa; kemajuan sosial dan kebudayaan sesuatu bangsa.
- Beradab: baik budi bahasa; sopan: Orang yang beradab tidak akan meninggikan suaranya apabila berkata - kata.



## ADAT RESAM




- ➔ Bahasa: adat yang menjadi kebiasaan kepada sesuatu kaum (daerah dan lain-lain).
- ➔ Contohnya seperti adat berkaitan kelahiran, adat perkahwinan yang melibatkan proses merisik, bertunang, bersanding, berinai dan juga adat kematian.
- ➔ Setiap kaum dan etnik di Malaysia memiliki adat masing-masing dan diamalkan sejak turun temurun.
- ➔ Adat kaum dan masyarakat setempat bertujuan mendidik peribadi individu, dan menjadikan Malaysia negara yang unik.



## Adat Kaum di Malaysia



**Gambar 1** : Adat berinai atau malam berinai untuk majlis perkahwinan bagi kaum Melayu





**Gambar 2** : Adat Valaikappu yang menjadi tradisi turun temurun kaum India di mana, ibu mengandung akan disarungkan dengan gelang.




**Gambar 3** : Adat memininum teh semasa majlis perkahwinan kaum Cina.

# ADAT ISTIADAT

-  Dari segi bahasa, adat-istiadat bermaksud berbagai-bagai adat yang diikuti.
-  Berbagai-bagai adat dan kebiasaan. Majlis rasmi untuk menyambut sesuatu peristiwa (seperti pertabalan, perkahwinan dan sebagainya).
-  Berbagai-bagai adat (peraturan) yang dituruti.
-  Adat istiadat yang menjadi kebanggaan setiap masyarakat juga mampu menjadi penghubung silaturahim antara sesama anggota masyarakat.
-  Adat istiadat yang tersusun dan sistematik ini menunjukkan nilai etika dan peradaban yang baik dalam sesebuah masyarakat dan kaum tersebut.
-  Generasi muda terutamanya, perlu peka kepada adat istiadat yang menjadi identiti negara kita, agar ia dapat dikenalkan untuk generasi akan datang.
-  Generasi muda perlu didedahkan dengan adat isitiadat yang ada di negara kita demi meningkatkan jati diri mereka.



# Etika



 Perkataan etika dikatakan berasal dari Greek iaitu 'ethos' yang membawa makna khusus kepada 'character', perwatakan dan keperibadian seseorang.



 [Bahasa] prinsip moral atau nilai - nilai akhlak (adab sopan) yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan manusia. - Kamus pelajar Edisi ke-2



 [Sosiologi] satu standard menyeluruh tentang benar atau salah. Menjelaskan apa yang sebenarnya perlu dilakukan oleh manusia dalam konteks apa yang benar, tanggungjawab, manfaat kepada masyarakat atau sifat baik.



 Etika juga melibatkan pinsip moral atau nilai akhlak yang menjadi pegangan individu atau sesebuah masyarakat

 Contoh: etika perguruan, etika jururawat, etika kedoktoran dan juga etika sebagai penjawat awam.



 Etika dalam bidang pekerjaan akan menjadi pegangan setiap pekerja. Etika tersebut akan menjadi acuan dalam membentuk nilai adab dan sikap seseorang individu.



## Apa yang dimaksudkan dengan **ETOS**



[ Bahasa] sifat atau ciri sesuatu bangsa, budaya, era, dan lain-lain. Contohnya, seorang pelukis Malaysia boleh menghasilkan karya yang benar-benar mencerminkan aspirasi, falsafah dan **etos masyarakat dan negara kita**



[Sosiologi] usaha membangunkan bangsa berdasarkan latar individu, keluarga dan komuniti berbagai serta berbeza sejarah, etnik, bahasa, agama, budaya dan latar geografi melebihi kesepakatan ciri asas negara atau bangsa.



Etos bangsa dalam konteks Malaysia pula menurut Hanapi (2007), membawa maksud **sifat sesebuah masyarakat atau komuniti**. Sifat itu pula terbit daripada semangat, nilai, idea, kepercayaan, pemikiran, falsafah dan pegangan hidup masyarakat berkenaan.



---

“...building a nation out of diverse people with differing historical, ethnic, linguistic, religious, cultural and geographical backgrounds is something more than just fostering consensus on the basic character of a state or nation. It involves the fostering of (1) shared historical experiences, (2) shared values, (3) a feeling of common identity, (4) shared destiny that transcends ethnic bounds without undermining ethnic identity, (5) loyalty, (6) commitment, and (7) an emotional attachment to the nation, and the flowering of distinctly national ethos”

**Tun Mahathir Mohamad, 1992**

# ETIKET

Etiket adalah peraturan-peraturan yang melibatkan tingkah laku atau sopan santun dalam kehidupan seharian, dalam hubungan antara satu sama lain atau dalam majlis sama ada berbentuk formal atau tidak formal



Etika boleh didefinisikan sebagai adat dan peraturan bukan kesopanan (terutamanya dalam kehidupan sosial atau dalam profesion tertentu).



Contoh: Wanita bangsa kita belum mahir tentang etiket yang lazim di rumah-rumah orang besar.



Tindak tanduk seseorang apabila berada di khalayak di dalam sesuatu situasi. Contoh seperti **etiket di meja makan, etiket menghadiri majlis rasmi, etiket menaiki kenderaan awam, etiket membuat panggilan atau menerima panggilan telefon** dan sebagainya.

# Infografik Definisi Istilah....



Mengandungi definisi ringkas dan padat mengenai istilah berkaitan etika dan peradaban



## ADAB

Budi pekerti yang halus, tingkah laku yang baik dan berbudi bahasa. Juga ditakrifkan sebagai baik budi bahasanya, iaitu seseorang yang sopan dan beradab tidak akan meninggikan suaranya apabila berkata-kata

Kurang adab ialah tidak tahu, kurang sopan.

## ADAT RESAM

Adat yang menjadi kebiasaan kepada sesuatu kaum atau daerah. Contohnya, adat majlis perkahwinan di Negeri Sembilan sedikit berbeza dengan adat yang diamalkan di negeri Sabah.



## ADAT ISITIADAT

Merujuk kepada pelbagai adat-adat yang diikuti, berbagai-bagai adat dan kebiasaan. Majlis rasmi untuk menyambut sesuatu peristiwa.

Seperti pertabalan raja, perkahwinan, majlis konvokesyen.

## ETIKA

Prinsip moral atau nilai-nilai akhlak (adab sopan) yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan manusia.

Satu standard menyeluruh tentang benar atau salah.



## ETOS

Sifat atau ciri sesuatu bangsa, budaya dan era. Contohnya : Seorang pelukis terkenal Malaysia menghasilkan karya yang benar-benar mencerminkan aspirasi, falsafah dan etos masyarakat dan negara kita. Boleh kita fahami bahawa lukisan beliau berkait dengan latar kehidupan masyarakat di Malaysia.

## ETIKET

Merujuk kepada adat dan peraturan bukan kesopanan ( yang berkait rapat dengan kehidupan sosial atau dalam profesi tertentu).

Tindak tanduk seseorang apabila berada di khalayak ramai dan dalam situasi tertentu. Ia melibatkan etiket di meja makan, etiket menghadiri majlis rasmi.



# SUSUR MASA ETIKA & PERADABAN BERDASARKAN PRA KOLONIAL, KOLONIAL DAN PASCA KOLONIAL



Peradaban dan etika negara kita Malaysia terbahagi kepada beberapa susur masa iaitu :

## Zaman Pra Kolonial


Zaman sebelum Tanah Melayu dijajah oleh kuasa asing.

## Zaman Kolonial

Zaman ketika dijajah oleh kuasa asing.

## Zaman Pasca Kolonial

Zaman selepas penjajahan kuasa asing.





## Zaman PRA KOLONIAL

- ➔ Zaman ketika negara kita belum dijajah. Telah wujud adab dan adat resam. Proses tersebut berlaku dalam medium pendidikan tidak formal.
- ➔ Pendidikan tidak formal tersebut termasuklah melalui komunikasi antara ibu bapa dan anak, interaksi dengan masyarakat dan rakan-rakan.
- ➔ Proses migrasi Kepulauan Melayu dan luar Kepulauan Melayu menyumbang kepada perkembangan dan kepelbagaian adat resam, budaya dan etika ketika itu.
- ➔ Proses silang budaya dan pinjam meminjam adat satu budaya dengan budaya yang lain telah berlaku dalam masyarakat.

# Zaman KOLONIAL



→ Zaman kolonial adalah zaman ketika negara kita dijajah orang kuasa asing seperti Portugis, Belanda, British dan Jepun.

→ Etika dan adat negara tersebut sedikit sebanyak telah diserap ke dalam amalan kehidupan seharian masyarakat.

→ Terdapat perubahan-perubahan dari segi cara percakapan, berjabat tangan, pemakaian tali leher dan juga kemeja, tabik hormat.


→ Cara berkomunikasi dan perututan juga turut memberi kesan dan mempengaruhi masyarakat Tanah Melayu ketika itu. Terdapat beberapa perkataan dan bahasa yang digunakan pada era kolonial masih digunakan hingga kini.



# Zaman

# PASCA

# KOLONIAL



→ Zaman pasca kolonial adalah era moden, di mana dan masyarakat telah menerima variasi dan **etika tanpa sempadan** seiring perkembangan teknologi dan dunia tanpa sempadan.

→ Proses penerimaan etika tanpa sempadan ini akan memberi kesan negatif kepada nilai etika dan budaya.

→ Budi pekerti, tingkah laku dan budi bahasa kita merosot disebabkan kegagalan menghayati etika dan peradaban dengan baik.

→ Generasi muda masa kini sewajarnya perlu menapis sebarang bentuk maklumat demi memastikan etika dan peradaban yang baik mengikut acuan Malaysia diteruskan.



# Kerangka Menganalisis Etika & Peradaban Acuan Malaysia Melalui Sejarah, Struktur Sosial & Biografi



Etika dan peradaban penting dapat menjalani aktiviti dan kehidupan seharian.

Amalan etika yang baik memberi impak kepada pembinaan negara bertamadun.

Contoh etika yang menjadi acuan Malaysia adalah :



- ➡ Mengucapkan salam apabila hendak masuk ke rumah orang lain.
- ➡ Mencium tangan ibu dan bapa semasa bersalaman.
- ➡ Membuang sampah ke dalam tong sampah
- ➡ Beratur ketika berurusan di kaunter premis kerajaan


Etika dan peradaban saling berkait antara satu sama lain. Sebagai contoh, bahasa adalah warisan peradaban, dan menjadi simbol penting dalam masyarakat Melayu.

Dari sudut etika, bahasa yang menjadi warisan peradaban perlu dituturkan dengan sopan sebagai tanda individu beretika.

# STRUKTUR SOSIAL


- ➔ Struktur sosial dari segi bahasa bermaksud sebuah **sistem sosial**.
- ➔ Ia merujuk kepada **hubungan yang dibina** dan terjalin dalam sebuah masyarakat yang berfungsi menggerakkan dinamik masyarakat.
- ➔ Tahap penghayatan etika dan peradaban berbeza antara setiap orang kerana **bergantung kepada struktur sosial**.
- ➔ Struktur sosial yang melibatkan komuniti adalah berlaku secara formal atau tidak formal melalui pendidikan, tempat tinggal dan pekerjaan.
- ➔ Kedudukan struktur sosial seseorang individu dalam masyarakat turut **mempengaruhi cara perwatakan** dan pertuturan dengan orang sekeliling.

# Struktur Sosial TRADISIONAL & MODEN



Rujukan : Dr. Seri Lanang Jaya Haji Rohani et al, 2013:134

# BIOGRAFI



- » Segi bahasa : Riwayat atau kisah hidup seseorang.
- » Sudut sosiologi : Fenomena struktur sosial dan proses sejarah yang mencorakkan pengalaman individu, keluarga, komuniti dalam masyarakat dan sebaliknya.
- » Memahami proses pembentukan biografi dari sudut sejarah dan sistem sosial akan membolehkan kita mengenali siapa diri kita.
- » Menghayati biografi diri sendiri adalah berdasarkan pengalaman dan sejarah kehidupan yang dilalui dan struktur sosial dapat membina etika dan peradaban individu.



# Penghayatan Etika & Peradaban Mengikut Peringkat Individu, Keluarga, Komuniti dan Masyarakat

## Etika

Disiplin yang mengkaji pertimbangan moral oleh manusia. Peraturan dan prinsip asas kepada pertimbangan moral.

## Individu

Individu memainkan peranan penting dalam membina peradaban tinggi sesebuah negara. Sebagai contoh, dua individu beretika yang melaksanakan perniagaan dan jual beli secara telus akan memberi kesan yang baik kepada negara. Ia mampu memberi pandangan positif masyarakat luar dan mampu menarik pelancong kepada negara kita.

## Individu, Keluarga dan Masyarakat

Struktur sosial asas sesebuah masyarakat. Struktur sosial ini sedikit sebanyak boleh mempengaruhi nilai etika dan peradaban.

**Kesimpulan:** Individu, keluarga, komuniti dan masyarakat yang beretika nyata memberikan impak kepada peradaban yang baik untuk Malaysia. Peradaban yang baik masyarakat merupakan pulangan yang menguntungkan negara.





## Penghayatan Etika & Peradaban Mengikut Konteks Masyarakat, Negara dan Pasaran

- » Keunikan Malaysia adalah kerana negara kita terdiri dari pelbagai kaum dan latar belakang budaya.
- » Walaubagaimanapun, perbezaan dan kepelbagaian latar budaya tidak menghalang rakyat Malaysia untuk hidup dengan harmoni dan aman damai.
- » Biografi negara kita adalah berdasarkan faktor masyarakat, negara dan pasaran.
- » Biografi masyarakat yang baik dan beretika dan memiliki nilai peradaban yang tinggi kan menjadikan negara kita dipandang tinggi dalam pasaran dunia.
- » Sistem nilai dan etika yang mantap akan dapat menjamin masyarakat yang memiliki peradaban yang hebat.
- » Sikap setiap warganegara yang beretika dan komuniti yang selamat dan aman tanpa pergaduhan mampu menarik pelabur luar untuk melabur di Malaysia.



## KESIMPULAN



Acuan sikap dan adab individu dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia dibentuk oleh adat, adat istiadat, etika dan juga etos masyarakat yang diwarisi secara turun temurun.

Negara kita Malaysia kaya dengan pelbagai atar dan budaya. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab kepada setiap warganegara untuk saling menghormati adat kaum-kaum lain.

Struktur sosial dalam masyarakat juga memainkan peranan dalam membentuk peribadi dan adab seseorang individu ketika berinteraksi dengan orang lain.

Adab dan cara hidup masyarakat Malaysia dibentuk melalui 3 susur masa iaitu pra kolonial, kolonial dan pasca kolonial.





SUDUT ILMIAH DAN PERCAMBAHAN  
MINDA

# LATIHAN & AKTIVITI

# PERBINCANGAN

*Kumpulan*

## Solalan Perbincangan 1



Berdasarkan pemerhatian dan pergaulan anda, bincangkan:

- i.Apakah pandangan anda mengenai bahasa dan adab yang digunakan oleh remaja pada masa kini?
- ii.Pada pendapat anda, apakah langkah yang perlu dilaksanakan dalam membentuk adab dan akhlak remaja?
- iii.Bagaimanakah adab pelajar dengan pensyarah semasa mengikuti kelas dalam talian?
- iv.Pada pandangan anda, bagaimana adab masyarakat kini dalam menggunakan media sosial?

## Solalan Perbincangan 2



- i.Apakah peranan etika dalam membentuk sikap yang baik dalam sesebuah bidang pekerjaan ?
- ii.Nyatakan prinsip etika yang perlu disematkan dalam diri seorang pelajar untuk membentuk keperibadian yang mulia dalam diri anda ?
- iii.Masyarakat kita sangat kaya dengan adat dan pantang larang. Senaraikan 10 pantang larang yang diamalkan dalam masyarakat dan kebaikan di sebalik amalan tersebut.

# LATIHAN & Aktiviti

## Latihan Interaktif



Latihan Interaktif Dalam Talian : Adat, Etika dan Etiket [Klik Disini](#)

### Cara melaksanakan latihan atas talian

Klik link yang disediakan di atas.

Anda akan mendapat paparan soalan - soalan berkaitan dengan perbezaan adat, etika, etiket dan adat-adat setiap kaum di Malaysia.

Anda perlu menulis jawapan (berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan) menggunakan huruf kecil.

Setelah selesai menjawab, anda perlu klik pada butang **Finish**, dan kemudian klik pada butang **check my answer** untuk memeriksa latihan anda. Anda juga boleh klik pada **email my answer to my teacher** untuk tujuan rekod pensyarah.

Teka Silang Kata Interaktif (wordwall.net) [Klik Disini](#)

### Cara melaksanakan latihan atas talian

Klik link yang disediakan di atas.

Jawab teka silang kata yang diberikan. Anda perlu **klik pada nombor soalan** pada silang kata tersebut untuk mendapatkan **klu soalan**.

Jawapan perkataan **ditaip bersambung tanpa jarak** jika melibatkan dua perkataan.

Tekan **backspace** jika ingin membetulkan ejaan jawapan anda.



## BAB 2

# KONSEP ETIKA DAN PERADABAN

- ➔ Topik ini mengupas tentang sejarah peradaban dan ketamadunan manusia.
- ➔ Para pelajar juga akan didedahkan dengan cara hidup masyarakat semasa di zaman paleolitik, zaman mesolitik, zaman neolitik dan zaman logam.
- ➔ Topik ini juga menjelaskan tentang peradaban manusia melalui ketamadunan unggul yang pernah wujud dalam sejarah manusia.
- ➔ Pelajar juga dideahkan dengan revolusi kemajuan dan pemikiran peradaban yang berlaku dan peranan kita untuk mengekalkan peradaban dan etika yang unggul sejajar dengan kemajuan teknologi.



## SINOPSIS BAB 2

- Idea dan amalan etika dan peradaban dunia.
- Konsep etika dari perspektif : Pemikiran eropah, agama dan kepercayaan, kolonialisme dan pasca kolonialisme
- Konsep peradaban dari perspektif : kolonialisme dan pasca kolonialisme, timur dan barat serta agama dan kepercayaan



## Pergerakan Idea & Amalan Etika dan Peradaban Dunia



- » Setiap peradaban mempunyai susur jalur sejarah yang tersendiri.
- » Perkembangan sejarah Melayu terbahagi kepada beberapa fasa iaitu :
  - i. **Zaman pra-sejarah:** paleolitik, mesolitik, neolitik dan zaman logam.
  - ii. **Zaman proto sejarah:** ketika wujudnya kerajaan awal seperti Langkasuka, Kedah Tua dan Gangga Negara.
  - iii. **Zaman sejarah awal :** Kesultanan Melaka, kedatangan kuasa - kuasa Portugis, Belanda dan British.
  - iv. **Zaman sejarah moden :** Tanah Melayu ke arah mencapai kemerdekaan.

# Zaman

## Paleolitik



### Cara Hidup

Tinggal dalam keadaan berpindah randah atau dikenali sebagai nomad. Mereka gemar tinggal di dalam gua dan kawasan sekitar tasik.



### Aktiviti

Masyarakat pada zaman ini mengamalkan aktiviti sara hidup seperti bercucuk tanam, memburu binatang liar dan memungut hasil hutan dan pucuk-pucuk daun.




### Peralatan

Masyarakat zaman paleolitik menggunakan batu-batu dan tulang sebagai alatan utama untuk tujuan pertahanan diri, memburu binatang dan melakukan aktiviti sehari-hari.

# Zaman

## Mesolitik



### Cara Hidup

Kehidupan masyarakat pada zaman mesolitik adalah berpindah randah. Mereka tidak membuat penempatan kekal di satu-satu tempat. Hidup mereka adalah secara nomad di dalam gua, bawah ranting kayu dan lubang bawah tanah.



### Aktiviti

Masyarakat pada zaman neolitik menjalankan beberapa aktiviti sehari-hari seperti bercucuk tanam bijiran dan buah-buahan serta juga menternak binatang. Mereka sangat mahir dan memiliki pengetahuan berkaitan aktiviti tersebut.



### Peralatan

Pada zaman ini juga, mereka menggunakan peralatan yang diperbuat dari batu, kayu dan tulang. Peralatan yang dihasilkan lebih halus pembuatannya. Masyarakat pada zaman ini juga mula menggunakan panah ketika berburu.

# Zaman

## Neolitik



### Cara Hidup

Wujud sistem hidup bermasyarakat dan pembukaan penempatan kekal berlaku pada zaman ini. Pembahagian kerja dan tugas juga telah dilaksanakan pada zaman neolitik. Mereka tinggal di sekitar gua dan sungai



### Aktiviti

Masyarakat pada zaman neolitik menjalankan beberapa aktiviti sehari-hari seperti bercucuk tanam dan juga menternak binatang. Mereka juga mempunyai kemahiran membuat tembikar dan mula menjalankan aktiviti berdagang.




### Peralatan

Masyarakat zaman ini mula mencipta alat tembikar dari tanah liat dan batu menjadi periuk, bekas air dan belanga. Mereka menggunakan alat batu seperti beliung dan pemukul kulit kayu.

# Zaman

## Logam




### Cara Hidup

Masyarakat zaman logam mula hidup menetap di sesebuah penempatan. Tiada konsep nomad dan berpindah randah. Mereka masih memilih untuk tinggal di gua dan kawasan yang memiliki sumber air seperti di tepi sungai.



### Aktiviti

Masyarakat pada zaman logam menjalankan beberapa aktiviti sehari-hari seperti bercucuk tanam dan juga menternak binatang serta berburu. Mereka juga telah mula melaksanakan perdagangan yang melibatkan sistem barter.



### Peralatan

Mereka mula menggunakan peralatan dalam bentuk besi dan logam. Mereka mencipta tembikar logam yang boleh digunakan dalam industri dan memiliki kemahiran dalam pembakaran yang melibatkan suhu 1200 darjah celcius.

# Zaman

## Proto Sejarah



Zaman ini bermula dengan kemunculan kerajaan-kerajaan awal di Gugusan Kepulauan Melayu. Kewujudan kerajaan-kerajaan ini dibuktikan dengan penemuan arkeologi dan sumber bertulis pengembara asing.




Antara kerajaan-kerajaan awal tersebut adalah **Funan**, **Majapahit**, **Champa**, **Srivijaya**, **Angkor**, **Kedah Tua** & **Gangga Negara**

Alam Melayu bermula **awal abad pertama**. Alam Melayu turut memiliki kerajaan seperti tamadun-tamadun lain.

Kerajaan Melayu bermula dari **penempatan yang kecil** dan berkembang membentuk **pelabuhan terkenal**.

Kerajaan alam Melayu berjaya membina peradaban yang **gemilang dan agung**.



# Kerajaan

## Funan



Kerajaan ini muncul sebagai pusat perdagangan utama pada abad ke-3. Kerajaan Funan mencapai zaman kemasyhuran dan kegembilangan semasa era pemerintahan **Fan-Shih Man**.

Zaman kegembilangan  
Kerajaan Funan merosot akibat serangan dari Chenla yang terletak di utara Funan.

Diasaskan oleh seorang Brahmin yang bernama Kaundinya dan berpusat di Vyadhapura.

Berjaya menguasai selatan Myanmar dan Segenting Kra. Kerajaan Funan berjaya menguasai perdagangan utama timur dan barat.

Perluasan kuasa ke Sungai Mekong hingga Teluk Cam Ranh (sebelah timur).



# Kerajaan Champa



Kerajaan ini mula diasaskan pada tahun 192M dan berjaya menjadi salah satu kerajaan yang terkenal ketika itu. Kerajaan ini mengalami zaman kejatuhan pada tahun 1441M.

Pada tahun 1441,  
kerajaan Champa  
telah ditawan oleh Dai  
Viet.

Chu-Lien adalah individu yang  
mengasaskan kerajaan  
Champa pada tahun 192M, dan  
menjadikan Indrapura sebagai  
pusat pemerintahan.

Zaman Kemahsyuran : Zaman  
pemerintahan Che Bong Nga.  
Kerajaan ini merosot setelah  
kematian Indravaman.

Chiu-Lien berjaya  
membebaskan Champa  
daripada pengaruh China.



# Kerajaan

# Srivijaya



Kerajaan Srivijaya mula diasaskan pada 684M. Kerajaan ini meniti berjaya kejayaan dalam menakluki beberapa kerajaan lain di sekitarnya. Selain itu, ia juga terkenal dengan sistem pertahanan yang kuat.

Pada tahun 1025, Srivijaya diserang oleh Kerajaan Chola dari selatan India dan merupakan titik kejatuhan kerajaan tersebut.

Diasaskan oleh **Dapunta Hyang Sri Jayanasa** di

Palembang pada tahun 684M.



Penaklukan diteruskan pada abad ke-8 melibatkan **Sumatera, Selatan Mynmar, Tanah Melayu & Segenting Kra** semasa pemerintahan Sangramadhanajaya.

Kerajaan Srivijaya telah menakluk Bangka dan Trauma

# Kerajaan

# Angkor



Kerajaan Angkor mula diasaskan pada tahun oleh Jayavarman II dari Chenla. Empayar kerajaan ini berpusat di Hariharalaya. Beliau juga menyatukan lembah Sungai Mekong.

Serangan dari kerajaan Siam mula melemahkan Kerajaan Angkor dan setelah kematian Jayavarman IV

Zaman kegembilangan semasa pemerintahan Suryavaman II di mana beliau meluaskan empayar ke sekitar lembah Sungai Mekong hingga selatan Myanmar.

Sebanyak 102 buah hospital dan Angkor Thom berjaya dibina oleh Jayavarman II

Suryavarman II berjaya halang ancaman dari Champa dan Dai Viet dan mewujudkan jalinan perdagangan pedagang tempatan dengan pedagang luar.



# Kerajaan

# Majapahit



Kerajaan yang terletak di Lembah Sungai Brantas, Jawa Timur ini wujud sejak abad ke-13, diasaskan oleh Raden Vijaya dengan bantuan tentera Mongol (semasa perebutan kuasa di Jawa 1924).

Zaman kejatuhan bermula setelah **serangan kerajaan Damak** 1578 dan kematian Patih Gajah Mada.

Menjadikan **kota Trowulan** sebagai pusat pentadbiran kerajaan dan mencapai zaman kegemilangan semasa Patih Gajah Mada menjadi Perdana Menteri.



Jajahan takluk merangkumi timur Pulau Jawa, pesisir timur timur, Sumatera, barat Pulau Borneo, selatan dan timur Sulawesi dan Kepulauan Maluku.

Mencapai zaman kegemilangan semasa **Patih Gajah Mada** menjadi Perdana Menteri dan diperintah oleh **Tribuna Tunggadewi**.

# Kerajaan

## Kedah Tua



Kerajaan Kedah Tua dikatakan bermula dengan penglibatan masyarakat Guar Kepah yang menjalankan kegiatan perdagangan dengan penduduk luar Sungai Mas dan Pengkalan Bujang.

Kerajaan Kedah Tua menjadi pusat keagamaan Buddha. Kerajaan ini lemah setelah serangan tentera Chola di India pada tahun 1025

Bukti kewujudan Kerajaan Kedah Tua didapati dalam catatan golongan agama dan pedagang dari China, India dan Arab-Parsi.

Perdagangan dan ekonomi pesat di Lembah Bujang menyumbang kepada zaman kegembilangan Kedah Tua.

Nama lain kerajaan ini menurut sumber China : Kedah Tua dikenali sebagai Chieh Cha. Sumber India dan Arab: Dinamakan sebagai Kataha dan Kalah-bar.



# Kerajaan

## Gangga Negara



Menurut ahli arkeologi, Kerajaan Gangga Negara muncul pada abad ke-6, dan mula dikunjungi oleh pedagang luar kerana kekayaan hasil bumi seperti emas dan bijih timah.

Zaman kejatuhan: Mulai lemah pada tahun 1025, akibat serangan kerajaan Chola, India yang mengakibatkan kemusnahan pelabuhan Gangga Negara.

Kerajaan Gangga Negara berperanan menjadi pusat pelabuhan sejak abd ke-5. **Raja Ganji Sarjuna** menjadi pengasas Gangga Negara.

Kerajaan Gangga Negara menjadi sebuah kerajaan dan empayar yang masyhur pada abad ke-9.

Pada 850M, kerajaan Gangga Negara berjaya pertahankan kedaulatan dari serangan Srivijaya.



# BUKTI KETAMADUNAN KERAJAAN AWAL MELAYU



Penerangan gambar :  
**(Dari atas)**

Bangunan yang menjadi mercu tanda Kerajaan Champa

#### Kiri (baris kedua):

Peta menunjukkan kawasan dan jajahan takluk kerajaan Srivijaya.

#### Kanan (baris kedua):

Binaan yang menjadi tanda kegemilangan Kerajaan Funan.

#### Kiri (baris ketiga):

Antara kota dan kubu pertahanan yang wujud pada zaman Kerajaan Majapahit.

#### Kanan (baris ketiga):

Angkor Watt yang sangat sinonim dengan kerajaan Angkor.

#### Bawah:

Bangunan yang dibina semasa zaman Kerajaan Gangga Nagara.





## LEMBAH BUJANG

Gambar menunjukkan Candi Lembah Bujang yang menjadi salah satu bukti sejarah hingga ke hari ini.




## CANDI LEMBAH BUJANG

Suasana sekitar Candi lembah Bujang yang menjadi bukti kedatangan agama Buddha.



Tamadun China



Tamadun India


## TAMADUN



Tamadun adalah pencapaian tertinggi oleh sesuatu masyarakat dalam pelbagai bidang.

Pencapaian tersebut termasuklah kegiatan perdagangan, kehidupan bandar, sistem pemerintahan, kemajuan teknologi, penciptaan tulisan, kepercayaan dan agama

### Tamadun Islam



# Tamadun

China




## IMPAK KEPADA TANAH MELAYU



Kemasukan penduduk China secara bersar-besaran sebagai tengaa buruh di Tanah Melayu adalah sekitar abad ke 19 dan 20.

Pada sekitar abad ke-20, orang China mula berhijrah ke Tanah Melayu untuk tujuan peluang pekerjaan.

## TEKNOLOGI




Teknologi berkaitan pembuatan dan percetakan mula berkembang dalam tamadun ini. Tamadun ini juga mula menggunakan belerang sebagai bahan letupan. Mereka juga menggunakan kompas sebagai alat pelayaran.

## PENDIDIKAN



Memberi penekanan terhadap aspek perundangan dan ketegasan undang-undang. Maharaja Shi Huangdi menyeragamkan sistem tulisan. Ajaran konfusianisme diberi penekanan. Sekolah tinggi ditubuhkan dan terdapat sistem Peperiksaan Perkhidmatan Awam.

## HASIL KESENIAN



Tamadun China terkenal dengan penghasilan sutera yang didagangkan ke seluruh tamadun pada masa itu termasuk Tana Melayu. Mereka juga memiliki kemahiran yang tinggi dalam memhasilkan tembikar yang berkualiti.

# Impak Tamadun

India




## IMPAK KEPADA TANAH MELAYU



Tamadun India menekankan aspek hidup berkeluarga dan komuniti (sinonim dengan adat timur).

Banyak pengaruh & nilai tamadun India mempengaruhi masyarakat. Norma dan nilai bertentangan dengan Al-Quran dan Sunnah ditinggalkan setelah kedatangan Islam.

## KESENIAN



Terdapat lukisan pada gua Ajanta dan Ellora menunjukkan kepentingan kesenian dalam perkembangan Tamadun India.

Tamadun ini juga terkenal dengan sesi kesusateraan dan tarian klasik India.

## PENYEBARAN AGAMA



Penyebaran agama hindu mula meyerap masuk ke Tanah Melayu. Kedatangan tenaga buruh dari India juga memberi kesan kepada kepelbagaian anutan agama di Tanah Melayu.

## ADAT DAN BUDAYA



Budaya seperti pemakaian dan lukisan inai, serta adat persandingan adalah hasil dari pengaruh budaya tamadun India. Budaya tersebut menyerap masuk ke dalam masyarakat Tanah Melayu.

# Tamadun

*Islam*



## ASAS DAN PEGANGAN



Tamadun Islam muncul setelah kemunculan Nabi Muhammad SAW dan berpegang teguh kepada akidah dan tauhid kepada Allah.

Tamadun ini berpaksikan kepada Al-Quran serta unsur rasional dan intelektual dalam perkembangan tamadun.

## EKONOMI



Memperkenalkan amalan ekonomi Islam seperti zakat dan juga sistem wakaf.

Baitulmal juga diperkenalkan sebagai satu alternatif pengurusan harta negara.

Menyediakan kemudahan asas dan memperluaskan pembinaan sistem saliran untuk tujuan pertanian.

## POLITIK



Mementingkan kehidupan bernegara dan jalinan kerjasama antarabangsa serta penerokaan wilayah baharu.

Penyatuan masyarakat tanpa mengira agama dan keturunan melalui konsep penyatuan ummah. Selain itu konsep syura juga diamalkan.

## SOSIAL DAN PENDIDIKAN





Islam mengangkat darjat wanita dengan cara memberi pendidikan. Tamadun Islam juga memajukan teknik penyelidikan saintifik seperti industri kertas, sistem pengairan. Kegiatan intelektual dikembangkan dan lahir cedekiawan Islam terknl.

# PENGARUH KUASA BARAT

## Portugis

- Melaka berjaya ditawan oleh Portugis pada tahun 1511.
- Portugis menduduki Melaka selama 130 tahun.
- Alfonso de Albuquerque adalah wizurai yang menyusun sistem pentabiran ketika itu. (Pemerintahan kententeraan)
- Pemerintahan selama 130 tahun di Melaka telah memberi beberapa impak kepada Melaka dari aspek sosial, bahasa dan juga budaya.
- Sebagai contoh, perkahwinan dengan masyarakat tempatan melahirkan golongan serani dan wujud perkampungan Portugis di Melaka.
- Selain itu, terdapat juga beberapa perkataan Portugis yang kekal digunakan sehingga kini seperti jendela, tuala, palsu.
- Kedatangan Portugis juga memberi kesan kepada kepelbagaian budaya dan kaum di Malaysia. Ini menjadikan Malaysia memiliki nilai peradaban tinggi dan pelbagai.



# PENGARUH KUASA BARAT

## Belanda


- Ekspedisi terawal Belanda yang tiba di Tanah Melayu adalah pada 1559
- Tujuan menakluk Tanah Melayu adalah untuk mendapatkan rempah ratus, buah pala, kayu cengkik.
- Syarikat Bersatu Hindia Timur (SHTB) dibentuk selari dengan kepesatan perdagangan pedagang dari Belanda.
- Berbanding Portugis yang kekal pemerintahan di Melaka sahaja, Belanda mula meluaskan pengaruhnya ke negeri-negeri sekitar Melaka yang kaya dengan hasil bumi.
- Belanda meluaskan pengaruhnya ke Perak, Negeri Sembilan dan Selangor.
- Antara kesan kependudukan Belanda di negara kita adalah bangunan Stadhus yang kini menjadi mercu tanda Melaka dan Kota Belanda, Pulau Pangkor.
- Kegiatan ekonomi dan bijih timah dilaksanakan secara besar-besaran untuk memenuhi permintaan di Britain. Ia memberi kesan kepada tenaga buruh.



# PENGARUH KUASA BARAT

## *British*

- Ekspedisi British juga bertujuan memonopoli kekayaan Tanah Melayu (**faktor ekonomi dan sumber asli**)
- Penguasaan British kemudianya, termasuk dalam campur tangan politik dan pentadbiran
- Kemasukan secara besar-besaran kaum Cina dan India berlaku semasa zaman pemerintahan British untuk berkhidmat sebagai tenaga buruh ketika itu.
- Kemasukan tenaga buruh dari China dan India juga sekaligus menyumbang kepada pelbagai kaum dan agama di Tanah Melayu.
- Selain itu, kedatangan British ke Tanah Melayu juga memberi kesan kepada sistem pemerintahan negara terutamanya dari sudut perundangan.
- Sistem demokrasi yang diamalkan oleh negara kita hingga kini juga merupakan salah satu dari pengaruh British di Tanah Melayu.





# ZAMAN SEJARAH

## Modern

1955: Kemenangan parti Perikatan membuka ruang kepada pemerintahan sendiri




Januari 1956 : Tunku Abdul Rahman ke London untuk melakukan rundingan kemerdekaan



8 Februari 1956: Perjanjian London ditandatangani



31 Ogos 1957 : Pengisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu



# PEMBINAAN NEGARA

## Bangsa



Suruhanjaya Reid merupakan memorendum yang bertujuan mengambil kira suara rakyat.




Majlis Perundingan Persekutuan 15 Ogos 1957  
Meluluskan Perlembagaan Persekutuan  
Tanah Melayu.



Persefahaman merupakan elemen penting dalam membentuk perlembagaan.

Persefahaman pelbagai kaum dan pemuaafakatan antara wakil kaum di Malaysia dicapai melalui kontrak sosial.

# BAGAIMANA MEMBINA NEGARA BANGSA




## PENDIDIKAN

Pendidikan sekolah kebangsaan, memastikan interaksi antara kaum semasa sesi ko-kurikulum dan pendidikan formal. Sistem pendidikan yang melibatkan pelbagai kaum mendorong masyarakat untuk saling memahami budaya kaum yang lain.

## SUBJEK SEJARAH

Kursus atau subjek Sejarah merupakan mekanisme dan tunjang kepada pendidikan nasional. Penerapan nilai dan fakta sejarah negara dapat memupuk rasa tanggungjawab sebagai warganegara yang baik. Ia juga mampu membentuk individu yang celik sejarah dan cintakan negara.



## ADAB DAN ETIKA

Penerapan mengenai adab dan etika dalam kehidupan pelbagai kaum amat penting. Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya bersatu padu mendokong aspirasi negara dan menyemai sikap saling menghormati walau berlainan agama dan adat. Ini penting dalam memastikan keharmonian negara.

# KONSEP ETIKA DAN PERADABAN DARI PELBAGAI PERSPEKTIF DAN SUDUT

Perkembangan etika dan peradaban dalam kalangan individu dan masyarakat dapat dilihat dari beberapa perspektif dan sudut antaranya adalah :

## PEMIKIRAN EROPAH

Pemikiran zaman eropah dibahagikan kepada beberapa peringkat iaitu melibatkan Zaman Gelap, Zaman Enlightenment, Zaman Pasca Enlightenment

## AGAMA DAN KEPERCAYAN

Melibatkan konsep penerapan nilai adab dan etika dalam agama-agama utama di Malaysia iaitu agama Islam, Buddha dan juga Hindu.

## KOLONIALISME & PASCA KOLONIALISME

Kedatangan kolonial sedikit sebanyak meninggalkan impak dan kesan terhadap istem undang-undang, pendidikan, tulisan dan sosial di negara kita. Bagaimana pula nilai adab dan etika masyarakat semasa zaman kolonialisme dan pasca kolonialisme?



## TIMUR & BARAT

Adab dan pergaulan masyarakat sangat dipengaruhi oleh nilai ketimuran. Namun, penerapan nilai dan budaya masyarakat kini juga banyak dipengaruhi oleh budaya dari Barat.

Menjadi tanggungjawab setiap individu untuk memupuk adab dan etika timur dalam kehidupan seharian. Adab timur sangat terkenal dengan sopan-santun dan budaya hormat-menghormati.

# ZAMAN KEGELAPAN *Eropah*

- Zaman di mana eropah mengalami keruntuhan dari sudut akhlak, pentadbiran, ilmu dan juga ekonomi.
- Tidak wujud satu sistem pentadbiran berpusat dan sistematik pada ketika itu.
- Sistem feudal dilaksanakan di mana para petani terpaksa meminta perlindungan dari tuan tanah untuk kelangsungan kehidupan mereka.
- Terdapat juga petani yang menjadi hamba demi meneruskan kehidupan sehari-hari mereka. Pada zaman kegelapan ini juga, telah berlaku penindasan orang kaya terhadap si miskin.
- Golongan gereja juga dilihat berperanan mengongkong dan mengawal masyarakat menyebabkan tekanan sangat kuat dihadapi oleh masyarakat pada ketika itu.
- Raja berkuasa mutlak dan memerintah secara 'old regim'.
- 'Old gerim' yang dilaksanakan semasa zaman gelap telah menjadikan yang kaya semakin mengembangkan kekayaaan mereka manakala golongan miskin semakin ditekan dan menjadi semakin miskin.
- Nilai akhlak dan adab tidak diberi penekanan pada zaman kegelapan.
- Masyarakat ketika itu juga tidak mementingkan ilmu pengetahuan. Oleh yang demikian keruntuhan dari segi ilmu dan adab boleh menjadikan kita semua berada pada zaman kegelapan dan kemunduran.

# ZAMAN Renaissance

- Istilah renaissance dikatakan berasal dari bahasa Perancis yang bermaksud pemulihan . Pada zaman ini, Eropah mula berubah dari zaman kegelapan kepada pemulihan dari aspek adab dan akhlak, ilmu pengetahuan malahan juga dari sudut sistem pemerintahan.
- Fasa yang berlaku pada abad ke-14 hingga 16 yang turut dikenali sebagai ' kelahiran semula'. Ia bermula di Itali dan merebak ke seluruh eropah pada ketika itu.
- Zaman ini merupakan sempaan di antara zaman kegelapan dan zaman pencerahan (enlightment) di Eropah.
- Pada zaman renaissance, golongan cendekiawan mula mempersoalkan beberapa perkara iaitu melibatkan cara memperolehi ilmu melalui keagamaan & kepercayaan semata-mata
- Cendekiawan Barat telah memulakan langkah untuk menjelajah ke negara Islam dan mempelajari ilmu dari tamadun Islam.
- Mereka mula sedar kepentingan akal dalam memproses maklumat dan membangunkan sesebuah masyarakat.
- Hasil daripada Renaissance telah membuka jalan kepada kelahiran pelbagai aliran baru Eropah hingga abad ke 18 seperti humanisme, rasionalisme, nasionalisme dan absolutisme.
- Melahirkan tokoh-tokoh pemikir seperti Leonardo da Vinci yang terkenal sebagai pelukis, pemuzik dan ahli falsafah serta jurutera. Michelangelo merupakan tokoh seni, arkitek, jurutera, penyair dan ahli anotomi.

# REVOLUSI Perancis

- Revolusi ini mula berlaku di Perancis pada tahun 1789.
- Revolusi ini merupakan satu garis yang memisahkan fasa kehidupan Eropah lama dan eropah moden.
- Revolusi Perancis juga merupakan peralihan dari bentuk pemerintahan raja berkuasa mutlak kepada sistem berpelembagaan.
- Kemuncak kesedaran kepada nasionalisme mula berkembang dalam kalangan masyarakat pada ketika itu.
- Elemen-elemen seperti tuntutan persamaan hak dan kebebasan, persaudaraan dan juga fahaman liberalisme dan demokrasi mula berkembang.



# REVOLUSI Industri

- Revolusi bermaksud perubahan, iaitu kerajaan atau sistem politik secara radikal.
- Revolusi Industri adalah perubahan dari ekonomi tradisional kepada ekonomi berdasarkan produktiviti.
- Revolusi ini memberi kesan kepada pertambahan penduduk, perubahan gaya hidup, corak pemikiran politik dan perkembangan idea baharu.
- Pengeluaran dalam kapasiti besar dan mesin menggantikan tenaga manusia. Perkembangan ini sedikit sebanyak memberi kesan terhadap sistem ekonomi pada masa itu.



# ZAMAN *Enlightenment*

- Dikenali sebagai The Age Of Reason yang membawa maksud penyebaran idea-idea berkenaan rasionalisme.
- Abad ke 17 dan 18, masyarakat mula menyedari tentang kepentingan ilmu dan logik akal dalam kehidupan dan lahir tokoh-tokoh seperti John Locke, Jean Rosseau.
- Zaman pencerahan atau zaman enlightenment ini membawa kepada perkembangan elemen-elemen kebudayaan, kebijaksanaan, prinsip dan kepercayaan.
- Aspirasi pembaharuan sangat berkembang pada zaman ini. Masyarakat pada zaman ini sangat percaya kepada pemikiran manusia dalam membentuk kemajuan.
- Masyarakat mula sedar bahawa manusia mampu merubah dunia berdasarkan pemikiran dan kebijaksanaan.





JOHN LOCKE



JEAN ROSSEAU



## KONSEP ETIKA DAN PERADABAN DARI PERSPEKTIF AGAMA DAN KEPERCAYAAN



# AJARAN AGAMA

# Islam

» Agama Islam tersebar di tanah arab sehingga sebelah timur dunia pada abad ke 7M.



» Pada abad ke-12, agama Islam mula dibawa ke Tanah Melayu melalui peranan pedagang arab, pemerintah, perkahwinan dan perdagangan.




» Bukti penyebaran ajaran Islam adalah dengan penemuan batu bersurat di Kuala Berang, Terengganu bertarikh 702H.

» Dalam sejarah Melayu, dikatakan bahawa Sheikh Abdul Aziz dari Mekah telah menyebarkan Islam kepada pihak istana dan disambut baik oleh sultan ketika itu.



» Pendakwah Islam dalam kalangan orang arab diberikan tempat tinggal dan diberi kebenaran untuk melaksanakan majlis ilmu di istana.

» Sifat dan ciri-ciri mulia yang ditonjolkan oleh ajaran Islam seperti jujur, ikhlas, tolong-menolong, memandang tinggi golongan wanita menarik minat penduduk Tanah Melayu ketika itu.



» Ajaran Islam juga amat menitikberatkan sikap saling menghormati antara sesama manusia dan jujur dalam perniagaan, yang nyata memberi impak besar dalam pembentukan sikap masyarakat ketika itu.

# AJARAN AGAMA


## Buddha

- »» Agama ini dipercayai diasaskan oleh Siddartha Gautama.
- »» Bukti kedatangan agama ini adalah melalui candi yang terdapat di Lembah Bujang, Kedah
- »» Agama Buddha menekankan konsep kesejahteraan hidup sama ada kepada manusia maupun binatang.
- »» Majoriti kaum Cina di Malaysia menganut agama buddha.
- »» Agama ini menjadikan Lapan Jalan Lapis Mulia sebagai **pegangan etika dan adab** penganutnya dalam mencapai ketenangan.
- »» Jalan Lapan Lapis Mulia adalah amalan yang akan membawa penganutnya ke arah kesedaran diri, kebebasan dan akhirnya nirvana (penyatuan dengan tuhan).
- »» Prinsip yang terkandung dalam Lapan Jalan Lapis Mulia adalah pandangan yang benar, niat yang benar, pertuturan yang benar, tindakan yang benar, rezeki yang benar, usaha yang benar, kepekaan yang benar dan perhatian yang benar.



# AJARAN AGAMA

## Hindu



- »» Perkataan hindu merujuk kepada **masyarakat yang tinggal di Sungai Sindhu**.
- »» Kemasukan masyarakat India sebagai tenaga buruh semasa pemerintahan British, **membawa nilai agama, tradisi dan budaya** mereka ke Tanah Melayu
- »» Majoriti kaum India di negara kita adalah merupakan penganut agama hindu.
- »» Banyak budaya dan nilai-nilai agama ini **meresap dalam budaya tempatan** seperti amalan mandi bunga, bersanding dan ukiran seni bina.
- »» Perkataan seperti dosa, syurga, pahala, dewa adalah dari bahasa sanskrit.
- »» Agama hindu menerapkan beberapa perkara penting dalam agamanya antaranya adalah :

### Kepercayaan kepada dewa

Brahma, Vishnu, Siva adalah dewa utama atau tuhan. Di samping dewa-dewa lain.

### Konsep kelahiran semula

Konsep karma. Setiap perbuatan akan menerima balasan setimpal dan mempengaruhi kehidupan akan datang.

### Kitab Suci

Kita pegangan penganutnya adalah Kitab Veda dan Bhagavad Gita.



## KONSEP ETIKA DAN PERADABAN DARI PERSPEKTIF KOLONIALISME DAN PASCA KOLONIALISME

Kedatangan kolonial dari beberapa negara asing seperti Portugis, Belanda, British dan Jepun nyata memberikan kesan dan juga impak terhadap nilai budaya dan juga adab masyarakat. Dalam fasa pasca kolonialisme kini juga masih terdapat beberapa perkara dan nilai yang kekal diamalkan dalam masyarakat.

# KOLONIALISME & PASCA KOLONIALISME DARI ASPEK ETIKA



Pengenalan tulisan rumi menggantikan jawi. Tulisan rumi mula diperkenalkan semasa pemerintahan Portugis.



Perkahwinan campur masyarakat tempatan dengan penjajah kuasa asing. Hasil dari perkahwinan tersebut melahirkan kaum serani, baba dan nyonya dan eri variasku kaum di Malaysia.



Perkataan pinjaman juga digunakan sehingga kini. Antaranya wujud perkataan baharu seperti garfu, tuala, palsu, jendela (Portugis)




Pembentukan parti-parti politik: UMNO, MIC, MCA. Pembentukan parti-parti ini adalah didorong oleh kesedaran untuk membebaskan negara dari penjajah dan ke arah pemerintahan sendiri.



Pembentukan masyarakat majmuk juga turut berlaku semasa tempoh kolonialisme. Ini kesan dari kemasukan tenaga buruh ke Tanah Melayu dan menetap di sini.



# KOLONIALISME & PASCA KOLONIALISME DARI ASPEK PERADABAN




Sistem persekolahan vernakular diwujudkan oleh Inggeris. Sistem persekolahan vernakular melibatkan sekolah melyu, tamil dan cina.




Gaya dan pemikiran orang Melayu lebih terbuka dalam menerima peradaban Barat. Masyarakat ketika itu juga lebih berani menyuarakan pandangan.



Perkembangan ekonomi dari kemajuan hasil bijih timah. Pertambahan tenaga buruh dari luar juga memberi kesan kepada aspek peradaban. Perkembangan ini rentetan dari Revolusi Perindustrian.




Dasar Ekonomi Baru (DEB) diwujudkan dengan tujuan menyeimbangkan semula kaum dan merapatkan jurang ekonomi antara kaum, luar bandar dan bandar.



Kemajuan aspek pengangkutan adalah dengan pembinaan jalan keretapi





## KONSEP ETIKA DAN PERADABAN DARI PERSPEKTIF TIMUR DAN BARAT

Kedatangan kolonial dari beberapa negara asing seperti Portugis, Belanda, British dan Jepun nyata memberikan kesan dan juga impak terhadap nilai budaya dan juga adab masyarakat. Dalam fasa pasca kolonialisme kini juga masih terdapat beberapa perkara dan nilai yang kekal diamalkan dalam masyarakat.




# Timur

- » Istilah bahagian Timur sangat sinonim dengan negara-negara Islam timur seperti Jordan, Mesir, Palestin dan Arab Saudi.
- » Islam merupakan asas dan teras dalam proses pembinaan tamadun ulung. Islam membawa perubahan besar dari aspek peradaban dan etika masyarakat jahiliah.
- » Masyarakat Jahiliyah yang ketika itu hidup dalam kemaksiatan, rendah akhlak dan saling bermusuhan telah mendapat petunjuk setelah kedatangan agama Islam.
- » Tamadun Timur yang mendapat hidayah Islam ketika itu, mengamalkan cara hidup yang mulia, dengan ketinggian akhlak dan nilai saling hormat-menghormati serta sayang-menayangi antara sesama makhluk.
- » Kehidupan ketika itu adalah berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah serta seimbang antara kehidupan dunia dan akhirat.
- » Peradaban manusia ketika itu sangat baik dan mulia di mana mereka mengamalkan konsep toleransi dan menegah kezaliman.
- » Darjah wanita juga dipandang mulia dan tidak lagi dijadikan sebagai golongan yang ditindas.
- » Kedatangan Islam juga membawa rahmat dan setiap manusia tanpa mengira kaum saling berkasih-sayang sekaligus memastikan kehidupan aman damai.

# Barat

- » Peradaban barat merupakan sebuah peradaban yang sangat mempengaruhi serta mendominasi sebahagian dunia pada hari ini.
- » Ini adalah kerana peradaban barat telah berperanan mendorong kepada kemajuan sains dan teknologi yang pesat sehingga kini.
- » Tamadun Barat terdiri dari 3 fasa utama yang melibatkan zaman klasik, zaman kegelapan dan zaman moden.
- » Falsafah yang menjadi pegangan barat diterajui oleh falsafah Yunani dan Hellenik di zaman klasik. Falsafah ini berakhir setelah muncul kristian.
- » Barat pernah melalui zaman kegelapan ketika masyarakat pada waktu itu ketandusan nilai ilmu dan juga akhlak dan tersepit dengan tekanan dan kongkongan dari pihak gereja.
- » Rakyat yang miskin terus dihimpit kemiskinan melalui sistem feudal. Namun zaman pencerahan (enlightenment) menjadi sinat kebangkitan dalam tamadun barat.
- » Fasa renaissance telah melahirkan tokoh-tokoh pemikir dan aliran pemikiran yang kekal diikuti oleh pengikutnya hingga kini.
- » Antara aliran pemikiran dan cara hidup dari Barat juga melahirkan beberapa aliran pemikiran seperti modernisme, sekularisme, liberalisme, humanisme dan rasionalisme.
- » Kemajuan dari Barat banyak memberi kebaikan namun perlu ditapis sebaiknya agar tidak mengikis nilai peradaban dan akhlak manusia.



# KESIMPULAN




Konsep sesebuah tamadun melibatkan elemen kemajuan dan juga keperibadian yang tinggi. Sesebuah tamadun yang hebat dan gemilang perlu seimbang dari kedua aspek tersebut.

Revolusi dalam pembinaan ketamadunan manusia telah melalui beberapa proses sejak dari Zaman Awal Manusia sehingga lahir pelbagai aliran pemikiran dalam dunia moden kini.

Tidak dapat dinafikan bahawa agama dan kepercayaan seseorang menjadi satu pegangan dalam membentuk nilai kemanusiaan dan ketamadunan seseorang.

Kemajuan teknologi dan ledakan dunia tanpa sempadan tidak seharusnya menjadikan manusia hilang nilai akhlak dan tamadun.





SUDUT ILMIAH DAN PERCAMBAHAN  
MINDA

# LATIHAN & AKTIVITI

# PERBINCANGAN

# Kumpulan

## Solalan Perbincangan 1



- i. Pada pandangan anda apakah kesan dan impak dari pengaruh tamadun kepada masyarakat Malaysia?
- ii. Sejauhmanakah pemerintahan kuasa asing membentuk sikap dan peradaban masyarakat kini?
- iii. Kesan kemasukan pendatang dari China dan India terhadap kepelbagaian budaya, adab dan adat di negara kita?
- iv. Nyatakan apakah peranan yang harus dilaksanakan oleh generasi muda dalam memastikan kepelbagaian budaya di negara kita terus berkekalan.

## Solalan Perbincangan 2



- i. Pengajaran yang boleh diterapkan dalam diri rakyat Malaysia dari persefahaman dan tolak ansur antara kaum-kaum di Tanah Melayu dalam merealisasikan pemerintahan sendiri?
- ii. Adakah anda bersetuju bahawa subjek sejarah, kenegaraan, penghayatan etika dan juga peradaban dapat membentuk sikap warganegara yang beretika dan beradab? (Huraikan)

# PERBINCANGAN *Kumpulan*


## Solalan Perbincangan 3



- i. Jelaskan bagaimana Islam mendidik nilai etika yang baik dalam diri penganutnya?
- ii. Pada pendapat anda, bagaimakah ciri-ciri yang terdapat dalam konsep 8 Jalan Lapis Mulia yang terkandung dalam ajaran agama Buddha dikatakan dapat membentuk keperibadian penganutnya?
- iii. Terangkan mengenai konsep karma yang menjadi pegangan penganut agama Hindu dan sejauhmana ia mempengaruhi adab dan etika mereka dalam kehidupan seharian ?

# LATIHAN & Aktiviti

## Teka Silangkata



### Soalan Melintang

- Prinsip nilai baik dan buruk yang menjadi pegangan individu
- Tahap perkembangan, kemajuan sosial dan kemajuan sesuatu bangsa.
- Kerajaan Kesultanan Melayu yang telah berjaya menarik minat kuasa penjajah ke alam Melayu
- Kuasa penjajah yang pernah menguasai Tanah Melayu pada kurun ke 16
- Etnik ini wujud ekoran perkahwinan campur antara orang Portugal dengan masyarakat tempatan Tanah Melayu.

### Soalan Menegak

- Kerajaan awal Melayu yang menguasai jalan laut antarabangsa selat Melaka dan Sunda dan menjadi pusat pengajian agaman Buddha
- Dibawa masuk ke Tanah Melayu sebelum merdeka secara beramai-ramai oleh British untuk mengusahakan perlombongan biji timah.
- Zaman Prasejarah yang mana manusia telah hidup secara menetap dan menjalankan aktiviti pertanian menggunakan peralatan yang diperbuat daripada batu.
- Proses penjajahan yang dilakukan oleh negara yang kuat terhadap negara yang lemah
- Masyarakat yang membawa adat bersanding sempena perkahwinan dalam budaya masyarakat Melayu

# LATIHAN & Aktiviti

## Latihan Interaktif



Latihan Interaktif Dalam Talian : Fasa Sejarah Awal Manusia [Klik Disini](#)

### Cara melaksanakan latihan dalam talian

Klik link yang disediakan di atas.

Anda akan mendapat paparan soalan - soalan berkaitan dengan fasa sejarah awal manusia.

Soalan berbentuk 'drop down' ini memerlukan anda untuk klik pada pilihan jawapan yang tepat.

Setelah selesai menjawab, anda perlu klik pada butang **Finish**, dan kemudian klik pada butang **check my answer** untuk memeriksa latihan anda. Anda juga boleh klik pada **email my answer to my teacher** untuk tujuan rekod pensyarah.

Latihan Drag & Drop : Kerajaan Awal Melayu (wordwall.net) [Klik Disini](#)

### Cara melaksanakan latihan atas talian

Klik link yang disediakan di atas.

Drag (tarik) pilihan jawapan dan kemudian Drop pada tempat kosong yang disediakan.

Setelah selesai menjawab, anda perlu klik pada butang **Finish**, dan kemudian klik pada butang **check my answer** untuk memeriksa latihan anda. Anda juga boleh klik pada **email my answer to my teacher** untuk tujuan rekod pensyarah.

# RUJUKAN

Abdul Rahman Md Aroff .(1999). *Pendidikan moral, teori etika dan amalan moral.* Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Ahmad Zaki Abd Latif , Azam Hamzah & Azhar Mad Aros. (2015). *Tamadun islam dan tamadun asia.* Oxford Fajar Bakti.

Dewan Bahasa dan Pustaka (2017). Pusat Rujukan Persuratan Melayu. <https://prpm.dbp.gov.my/>

Hafizah Iszahanid. (2019, Mac 25). Melayu Champa kini golongan minoriti di Vietnam. <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2019/03/545143/melayu-champa-kini-golongan-minoriti-di-vietnam>

Ismail Mohammad Zain,Nor Aslina Mamat & Nur Syehah Alias. (2017). Revisi mobil sejarah malaysia dan asia tenggara stpm penggal 3. PNI Neuron

Leff Fok Yee, Najeemah Mohd Yusof & Nazri Muslim. (2017). *Hubungan etnik di Malaysia.* Oxford Fajar Bakti.

Mardiana Noordin & Hasnah Hussiin. *Pengajian Malaysia.* Oxford Fajar.

Munirah Mustaffa, Mohamad Bazli Md Radzi, Naimah Ghazali, Wan Mohd Tarmizi Wan Othman, Mohamad Faizal Ahmat, Mohammad Tarmizi Balya (2020). *Penghayatan etika dan peradaban.* Politeknik Kuching Sarawak.

Ruslan Zainuddin & Abd Sukor Yusof. (2017). *Sejarah malaysia dan asia tenggara.* Oxford Fajar Sdn.Bhd

# **SKEMA JAWAPAN LATIHAN**



# SKEMA JAWAPAN *Latihan*


## Latihan Interaktif



Latihan adat : liveworksheet (Muka surat 28)

- |                  |            |
|------------------|------------|
| 1. Adat resam    | 11. India  |
| 2. Adab          | 12. Cina   |
| 3. Adat istiadat | 13. India  |
| 4. Adat istiadat | 14. India  |
| 5. Adab          | 15. Melayu |
| 6. Adat resam    | 16. Cina   |
| 7. Adat istiadat | 17. India  |
| 8. Melayu        | 18. Cina   |
| 9. Cina          | 19. India  |
| 10. Melayu       | 20. Melayu |

Latihan teka silangkata : (Muka surat 76)



# SKEMA JAWAPAN *Latihan*

## Latihan Interaktif



Latihan fasa awal kerajaan Melayu (Muka surat 77)

1. Zaman enlightenment
2. Kerajaan logam
3. Nomad
4. Zaman paleolitik
5. Zaman neolitik
6. Pertukaran barang dengan barang
7. Kemunculan kerajaan awal di gugusan Kepulauan Melayu
8. Memiliki kemahiran dalam pembakaran melibatkan 1200 darjah celcius
9. Kerajaan Kedah Tua
10. Tasik dan sungai

Latihan Kerajaan Awal Melayu : (Muka surat 77)

1. Fan Shih Man
2. Segenting Kra
3. Indrapura
4. Brahmin
5. Dai Viet
6. Palembang
7. Selatan India
8. Raden Vijaya, Mongol
9. Emas, timah
10. Tasik dan sungai

